

## **MITIGASI DI MAHKAMAH SYARIAH: PENGHAKIMAN BERASASKAN KEADILAN RESTORATIF DAN REHABILITASI**

### ***Mitigation In Syariah Courts: Judgment Based On Restorative Justice And Rehabilitation***

Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam<sup>i</sup>, Norazla Abdul Wahab<sup>ii</sup> &  
 Hammad Mohamad Dahalan<sup>iii</sup>

<sup>i</sup>. Pensyarah, Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Emel: [nurzulfah@kuis.edu.my](mailto:nurzulfah@kuis.edu.my)

<sup>ii</sup>. Pensyarah, Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

<sup>iii</sup>. Pensyarah, Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Sistem keadilan jenayah Islam menggariskan dua bentuk hukuman iaitu hukuman retributif dan keadilan restoratif. Namun, keadilan restoratif tidak dilaksanakan di Malaysia. Mahkamah Syariah negeri dalam mengadili kes-kes jenayah syariah di Malaysia akan mengenakan hukuman retributif kepada pesalah berpandukan kadar dan bentuk hukuman yang telah dinyatakan dalam Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah (Pindaan 1965) atau Akta 355. Hukuman retributif yang dikenakan adalah hukuman denda, sebatan dan pemenjaraan. Kajian ini memfokuskan satu saranan terhadap perlaksanaan keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi dalam sistem penghakiman bagi kes jenayah syariah di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menggunakan kaedah temubual, teks penghakiman serta merujuk penulisan-penulisan ilmiah, jurnal dan buku yang berkaitan perbincangan. Hasil dapatan mendapati, tatacara jenayah syariah memperuntukan prosiding mitigasi</i></p>	<p><i>The Islamic criminal justice system outlines two forms of punishment, namely retributive punishment and restorative justice. However, restorative justice is not implemented in Malaysia. State Syariah Courts in adjudicating Syariah criminal cases in Malaysia will impose retributive punishment on offenders based on the rate and form of punishment specified in the Syariah Courts Jurisdiction Act (Amendment 1965) or Act 355. The retributive punishment imposed is fines, whipping and imprisonment. This study focuses on a recommendation on the implementation of restorative justice and rehabilitation sentences in the judicial system for syariah criminal cases in Malaysia. This study uses a qualitative methodology that uses the method of interviews, judgment texts and refer to scholarly writings, journals and books related to the discussion. The findings show that the syariah criminal procedure provides for mitigation proceedings to provide an</i></p>

<p>memberikan peluang kepada pesalah untuk memohon peringangan hukuman sebaik disabitkan dengan kesalahan. Justeru, semasa pesalah membuat mitigasi, mahkamah boleh melihat kepada penyesalan dan rasa keinsafan yang diluahkan oleh pesalah. Penerimaan mitigasi juga berdasarkan kepada pengakuan salah, keinsafan dan kesedaran pesalah mengakui kesilapannya serta memahami akan kesan perbuatannya itu disisi hukum dan undang-undang. Maka, kajian berpendapat sekiranya pesalah ini telah mengakui kesilapannya dan dengan rela hati bertaubat dan memahami tuntutan agama, maka keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi (pemulihan) adalah lebih sesuai untuk dilaksanakan. Hukuman rehabilitasi membolehkan pesalah mengislahkan diri dan membentuk jiwa menjadi Muslim yang dituntut melalui rawatan pemulihan yang dikendalikan oleh pihak berkuasa. Daripada teks penghakiman, penyesalan dan pengakuan salah merupakan elemen utama yang dituntut dalam mitigasi sebelum penghakiman dibacakan. Namun, setelah mahkamah mengetahui pesalah mengakui kesilapannya adalah tidak lagi wajar untuk mahkamah melihat kepada hukuman retributif iaitu denda, pemerjaraan dan sebatan sebaliknya mahkamah seharusnya memberi ruang kepada pesalah ini untuk dipulihkan melalui hukuman rehabilitasi. Mahkamah Syariah juga didapati masih mempunyai ruang dan cara tertentu untuk beranjak dari bentuk hukuman retributif kepada keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi namun ianya perlu kepada prosedur dan justifikasi yang jelas.</p>	<p><i>opportunity for offenders to apply for a mitigation of sentence once convicted of an offense. Thus, while the offender is mitigating, the court will look at the remorse and sense of remorse expressed by the offender. Acceptance of mitigation is also based on the confession of wrongdoing, repentance and awareness of the offender to admit his mistake and understand the consequences of his actions in terms of law and order. Thus, the study argues that if these offenders have admitted their mistakes and willingly repented and understood the demands of religion, then restorative justice and rehabilitation punishment are more appropriate to implement. The rehabilitation punishment method allows the offender to justify himself and shape the soul into Muslim through rehabilitation treatment administered by the authorities. From the text of the judgment, remorse and wrongful confession are the main elements demanded in mitigation before the judgment is read. However, once the court finds out that the offender admits his mistake, it is no longer appropriate for the court to look at retributive punishments, namely fines, imprisonment and whipping, instead the court should allow the offender to be rehabilitated through rehabilitation. Syariah courts are also found to still have a certain space to move from the form of retributive to restorative justice and rehabilitation punishment but it is necessary to clear procedures and justification.</i></p>
<p><b>Kata kunci:</b> Mitigasi, Hukuman, Restoratif, Rehabilitasi, Mahkamah Syariah</p>	<p><b>Keyword:</b> Mitigation, Punishment, Restorative, Rehabilitation, Syariah Courts</p>

## PENDAHULUAN

Undang-undang Islam adalah undang-undang yang bertunjangkan wahyu Ilahi, iaitu undang-undang yang datang dari pencipta manusia iaitu Allah S.W.T. Allah yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan tentunya menyediakan undang-undang yang tepat dengan fitrah kejadian manusia (Nik Muhammad Zawawi Salleh, 2013).e

Berhubungan dengan itu, konsep dan falsafah keadilan undang-undang Islam adalah mudah dan jelas. Keadilan adalah berasaskan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah melalui wahyunya di dalam al-Quran dan Sunnah. Jika tidak terdapat hukum yang dikehendaki dalam al-Quran atau Sunnah, maka keadilan boleh merujuk kepada sumber atau kaedah yang lain seperti ijmak', qiyas dan sumber-sumber lain selama mana tidak bercanggah dengan prinsip umum yang ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah (Muhammad Fathi Yusuf, 2014).

Undang-undang jenayah Islam yang dilaksanakan ketika ini di Malaysia adalah berdasarkan bentuk hukuman takzir yang meletakkan sepenuh budi bicara kepada hakim syarie dalam menentukan bentuk hukuman yang sesuai bagi pesalah. Terdapat tiga bentuk hukuman yang ditetapkan sebagaimana dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (selepas ini disebut sebagai Akta 355) iaitu hukuman denda, penjara dan sebatan. Malah, bagi ketiga-tiga bentuk hukuman ini pula telah dinyatakan jumlah maksimum yang boleh dikenakan kepada pesalah dengan melihat kepada jenis kesalahan yang telah diperuntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri.

Berdasarkan kenyataan ini, dapat dikatakan Mahkamah Syariah mempunyai kuasa prerogatif dan mutlak dalam membuat keputusan melalui kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang tertakluk dalam bidangkuasanya. Namun, setiap penghakiman yang diputuskan pula, mestilah merangkumi dalam falsafah syariah yang menyentuh enam aspek penjagaan kehidupan manusia iaitu akidah (agama), jiwa, kehormatan, fikiran, harta dan zuriat. Menurut pandangan penulis, objektif kepada hukuman jenayah syariah adalah bersifat mendidik dan mendatangkan keinsafan serta memulihkan pesalah kepada fitrah kejadian manusia yang perlu mematuhi setiap kehendak dan larangan syarak.

Justeru, apabila dilihat kepada teks-teks penghakiman yang diputuskan di Mahkamah Syariah didapati bahawa prinsip utama yang dipegang oleh kalangan hakim syarie adalah dengan berhati-hati dalam menghukum. Proses perbicaraan dan pembelaan dilakukan dengan teliti supaya pesalah diadili selayaknya. Oleh yang demikian, menjadi mandatori bagi setiap pesalah untuk diarahkan melakukan mitigasi bagi memberi ruang kepada pesalah merayu kepada tahap hukuman yang paling rendah dan tidak menjaskan kemaslahatan diri pesalah itu sendiri. Berdasarkan teks penghakiman yang ada, mekanisme pelaksanaan sabitan hukuman sebegini dilihat dapat

mencapai keadilan restoratif dan memberikan bentuk hukuman rehabilitasi (pemulihan) kepada diri pesalah itu sendiri.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Hukuman dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu hukuman retributif dan hukuman restoratif. Hukuman yang sering diperkatakan ialah bersifat retributif iaitu bersifat menghukum pesalah di atas kesalahan beliau yang lalu. Manakala hukuman restoratif pula membawa maksud hukuman yang bersifat memulih (rehabilitasi) tetapi tidak begitu popular dalam undang-undang Islam di Malaysia (Ramizah, 2018).

Pengamalan di Mahkamah Syariah ketika ini adalah, memberikan penghakiman retributif tertakluk kepada apa yang dinyatakan dalam undang-undang bertulis bagi negeri tersebut, sama ada memberikan denda, penjara atau sebatan kepada pesalah yang mana ianya didapati tidak selari atau mencapai maksud objektif hukuman di dalam Islam yang mengutamakan pemulihan dan pendidikan. Hukuman maksimum sering kali dipersoalkan kerana dilihat gagal memberikan impak positif sama ada kepada pesalah mahupun kepada masyarakat (Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2016). Walaupun demikian, hakim syarie mempunyai beberapa ruang peruntukan untuk melaksanakan hukuman lain selain daripada hukuman tersebut dengan menggunakan kuasa budi bicara yang telah digariskan. Merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, hakim diberi kuasa budi bicara dalam memperuntukkan hukuman terhadap pesalah kali pertama, pesalah wanita atas kesalahan tatasusila, pengakuan salah menafikan rayuan, mitigasi, pesalah muda atau kanak-kanak, sabitan terdahulu dan semakan semula pada peringkat rayuan. Kesan peruntukan tersebut telah memberikan ruang kepada hakim untuk meringankan hukuman sedia ada atau menggantikan dengan hukuman lain. Hukuman lain yang dimaksudkan ialah hukuman alternatif (Adibah Bahori, Siti Zubaidah & Nik Khazarita, 2017).

Walaubagaimanapun, sehingga kini pesalah jenayah syariah akan didahulukan dengan hukuman denda, iaitu hukuman maliyyah dan bukannya hukuman badaniyyah (Jasri Jamal, 2003). Oleh sebab itu, keadaan ini telah mendorong hakim untuk lebih cenderung memilih hukuman denda ini sebagai satu bentuk hukuman. Jika keadaan seperti ini berlarutan di mahkamah syariah, secara tidak langsung objektif hukuman dalam Islam, iaitu untuk memberikan pencegahan dan pemulihan mungkin tidak akan tercapai (Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al-Adib Samuri, 2014). Secara umumnya, peruntukan berkaitan penubuhan pusat pemulihan bagi pesalah untuk menjalani bimbingan moral telah termaktub dalam peruntukan undang-undang bagi setiap negeri, namun masih banyak negeri yang belum merealisasikan kehendak peruntukan tersebut (Siti Zubaidah Ismail, 2011).

Apakah kesan langsung kepada penyucian jiwa dan kerohanian pihak pesalah sekiranya diberikan hukuman denda, pemenjaraan dan sebatan? Ianya dilihat tidak meninggalkan kesan langsung terhadap penyucian jiwa melainkan rasa takut dan kezaliman. Sedangkan, setiap kali sebelum pesalah disabitkan dengan apa-apa hukuman pesalah itu akan diminta melakukan hujahan mitigasi (peringangan hukuman) dan puncak suatu pengiktirafan kepada peringangan hukuman adalah melalui rasa taubat dan keinsafan yang telah diakui oleh pesalah tersebut.

Berdasarkan amalan ketika ini, pendekatan untuk menghampiri keadilan restoratif itu telah ada namun ianya tidak dilaksanakan melalui pendekatan rehabilitasi (pemulihan) sebaliknya melalui hukuman retributif. Ketika ini penempatan pesalah ke pusat pemulihan adalah bagi kes-kes tertentu yang layak diberikan hukuman alternatif. Hukuman rehabilitasi ini bukanlah terpakai dalam semua kesalahan jenayah syariah secara automatik tetapi ianya hanya terpakai pada kesalahan-kesalahan tertentu dan mengikut pertimbangan hakim secara kehakiman sahaja (Mohammad Adib, 2019).

Soal bajet dilihat antara punca utama kepada halangan melaksanakan hukuman rehabilitasi (pemulihan) secara total di Malaysia. Kekangan ini terjadi atas faktor mengambil kira kepada peruntukan kewangan jabatan-jabatan agama Islam dalam menguruskan dan menubuhkan pusat pemulihan (Salehuddin Saidin, 2019). Namun, adakah hukuman rehabilitasi ini kaedahnya dengan meletakkan pesalah di Pusat Pemulihan? Penulis beranggapan ianya boleh dipelbagai kepada bentuk hukuman rehabilitasi (pemulihan) yang lain. Maka pertimbangan kepada pendekatan keadilan restoratif dalam mengaplikasi hukuman rehabilitasi iaitu pemulihan adalah perlu kerana ianya dilihat lebih sesuai dengan objektif hukuman dalam Islam. Bentuk hukuman rehabilitasi yang diberikan juga adalah dalam satu tempoh yang panjang dengan menggariskan panduan tertentu supaya pesalah tersebut lebih menghayati dan merasa keberkesanan hukuman dalam menginsafkan diri mereka (Salehuddin Saidin, 2019).

Hukuman rehabilitasi ini dinamakan sebagai hukuman alternatif yang mana hakim bicara perlu menentukan bentuk hukuman yang sesuai dan memberikan keadilan kepada undang-undang disamping mendidik pesalah. Namun dalam kesungguhan memperkasakan perlaksanaan hukuman alternatif ini, ia perlulah dilihat dalam konteks yang tepat yang mana pendidikan dan undang-undang hendaklah berjalan serentak (Mohammad Adib, 2019). Namun, Mahkamah Syariah sehingga kini dilihat *reluctant* untuk melaksanakannya mungkin kerana ketidaksediaan pihak-pihak berkuasa atas faktor tiada mekanisme yang jelas bagi perlaksanaan (Salehuddin Saidin, 2019).

## SKOP DAN METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan fiqh, undang-undang dan perundangan Islam serta jurnal, teks penghakiman dan statut-statut berkaitan. Kajian ini menggunakan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 sebagai rujukan utama kerana hampir kebanyakan dapatan kajian adalah melalui kedua-dua sumber ini. Objektif kajian adalah mengenalpasti amalan pelaksanaan hukuman bersifat restoratif dan rehabilitasi terhadap penghakiman mitigasi kes jenayah syariah di Malaysia. Kebiasaan kes-kes jenayah syariah akan didahului dengan mitigasi sebelum penghakiman dibacakan. Manakala, elemen keinsafan, taubat dan kesedaran adalah kekuatan mitigasi diterima. Oleh yang demikian, amalan Mahkamah Syariah ketika ini menggunakan hukuman berbentuk retributif dilihat kurang sesuai berbanding pendekatan retoratif dan rehabilitasi yang diyakini lebih mampu mengislahkan dan memberikan kebijakan kepada pesalah. Kajian merujuk kepada teks penghakiman di Negeri Selangor memandangkan Negeri Selangor adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang menubuhkan pusat pemulihan bagi pesalah jenayah syariah (Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia, 2021). Sebanyak dua sampel teks penghakiman telah dirujuk sebagai asas perbincangan. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui teks penghakiman, jurnal dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada pemakaian keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi (pemulihan) di Mahkamah Syariah. Kebanyakan teks penghakiman mendapat bentuk penghakiman di Mahkamah Syariah adalah menjurus kepada hukuman retributif yang berpaksikan kadar hukuman yang ditentukan dalam statut (Azizah Mat Rashid, 2021). Walaubagaimanapun, mitigasi diterima dan menjadi amalan bagi setiap kes jenayah syariah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah dan tidak hanya terikat kepada kesalahan kali pertama atau pesalah muda (Zulfikri Yasoa, 2021). Pesalah akan diberikan ruang untuk melaksanakan mitigasi terlebih dahulu. Seterusnya, hukuman yang akan ditentukan hakim bicara setelah mitigasi adalah dengan mempertimbangkan alasan-alasan relevan tertakluk kepada syarat dalam memberikan pengajaran dan pemulihan kepada pesalah (Zulfikri Yasoa, 2021). Bukan bersifat membala atau memberikan rasa kesakitan.

Konsep ini dilihat bersesuaian untuk Mahkamah Syariah di Malaysia pada hari ini meletakkan keadilan restoratif sebagai salah satu daripada bentuk hukuman yang menerima rehabilitasi (pemulihan) sebagai salah satu bentuk hukuman. Namun, hukuman retributif tidaklah dikatakan tidak lagi sesuai pada ketika ini. Tetapi, adalah lebih baik jika boleh kita aplikasi (merangkumkan) kedua-dua bentuk hukuman ini dengan sebaiknya (Ramizah Wan Muhammad, 2018). Sebagai contoh dalam satu situasi, tertuduh dikenakan hukuman atas kesalahan khalwat. Hukuman sedia ada ketika ini adalah bersifat retributif yang mana tertuduh mungkin akan didenda, dipenjarakan atau dikenakan kedua-duanya sekali. Namun, ketiga-tiga hukuman ini hanyalah memberikan *jaza'* atau balasan sahaja kepada pesalah. Dimanakah bentuk pemulihan sebagaimana objektif hukuman dalam situasi ini?

Penulis lebih melihat kepada adalah baiknya keadilan restoratif ini diaplikasi dengan menggunakan hukuman rehabilitasi dalam membekalkan pemulihan kepada diri pesalah. Ini adalah kerana, apabila pesalah dapat dipulihkan dan menghayati perkara yang dilarang dan dituntut dalam Islam makanya sakhsiah, peribadi dan akhlak pesalah juga dapat dibaiki. Kesalahan jenayah syariah adalah lebih kepada masalah moral yang melibatkan akhlak pesalah itu sendiri. Akhlak penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa (Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid & Norul Huda Bakar, 2015).

Pesalah perlu ditempatkan di pusat pemulihan atau melalui tugasan khidmat sosial dan kerja-kerja ummah yang memberikan penglibatan bukan sahaja kepada pihak pemerintah namun masyarakat juga terlibat sama dalam memimpin pesalah-pesalah ini ke jalan dituntut syarak. Ianya secara tidak langsung memberi ruang kepada pesalah-pesalah untuk memperbaiki diri (Awang Armadajaya Awang Mahmud, 2013) supaya menjadi warga yang patuh terhadap undang-undang dan hukum Syarak. Selain itu, menjadi tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi memelihara kemaslahatan masyarakat. Ianya merupakan suatu bentuk pendidikan kepada pesalah-pesalah supaya mereka dapat dibentuk menjadi insan yang berguna menerusi ilmu pengetahuan yang disampaikan, pengalaman-pengalaman baru melakukan kerja-kerja kebajikan dan sebagainya (Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita, 2017).

## DEFINISI KEADILAN RESTORATIF DAN REHABILITASI

Keadilan restoratif adalah pendekatan untuk menyelesaikan masalah dalam bentuk kebersamaan melibatkan fungsi fasilitator atau pegawai khas. Ianya melibatkan mangsa, pesalah, rangkaian sosial dan masyarakat. Hukuman rehabilitasi (pemulihan) yang dibentuk adalah berdasarkan prinsip asas bahawa tingkah laku jenayah bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi

juga mencederakan mangsa dan memberikan impak serta kesan langsung kepada masyarakat (United Nation, 2006).

Selain itu, keadilan restoratif juga adalah hukuman yang menekankan tentang kebijakan mangsa dan meletakkan fungsi utama dalam memberikan pemulihan (*rehabilitation*) kepada si pesalah (Chua Ming Zuan, 2010). Dalam masa yang sama, keadilan seperti ini juga mampu memberi peluang kedua kepada pesalah untuk membetulkan keadaan dan dirinya sendiri supaya lebih mengetahui batas-batas dan ketentuan agama. Dalam erti kata yang lebih mudah, keadilan restoratif ini melakarkan satu hukuman.

Seterusnya, *Centre For Justice & Reconciliation At Prison Fellowship International* di Washington (2005), dalam artikelnya menyatakan restoratif adalah teori keadilan yang menekankan dan memperbaiki kerosakan yang disebabkan atau diungkapkan oleh tingkah laku jenayah. Ia dapat dicapai dengan baik melalui proses kerjasama yang merangkumi semua pihak berkepentingan.

Rehabilitasi pula adalah hukuman pemulihan. Pemulihan bermaksud usaha untuk memulihkan seseorang kepada asal (Noresah, 2005). Pemulihan dalam Islam ialah memulihkan seseorang pesalah jenayah daripada kesalahan yang dilakukan menerusi pembersihan dosa. Dalam konteks hukuman takzir, konsep pemulihan di dalam bahasa Arab adalah pulih dan pemulihan ini hampir sama maksudnya dengan kata salah (صلاح).

Pemulihan adalah perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula, pemulangan atau pengembalian. Pemulihan juga boleh dikategorikan sebagai proses perkembangan dan pemberian sesuatu benda atau perkara yang berlaku secara berterusan, ini merangkumi kepada semua aspek yang baik samada dalaman ataupun luaran. Selain itu, pemulihan bermaksud mendamaikan, menghilangkan sengketa, memperbaiki dan sebagainya. Pemulihan juga diterjemahkan sebagai gerakan pembaharuan atau tajdid (Dusuki, 2012). Pemulihan mencakupi aspek-aspek kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara. Setiap umat Islam dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas pemulihan menurut bidang dan kemampuan masing-masing. Semua kerja pemulihan adalah baik dan berkebijakan melainkan pada perkara yang menghalalkan perkara yang dilarang oleh syarak dan mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh-Nya (Mohd Afizul Hakim Ibakarim, 2017).

## MITIGASI SERTA PEMAKAIAN KEADILAN RESTORATIF DAN REHABILITASI DI MAHKAMAH SYARIAH

Merujuk kepada kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), mitigasi adalah perihal perbuatan mengurangi (Dewan Bahasa& Pustaka, 2021). Dalam undang-undang Islam, peringangan hukuman disebut sebagai *al-takhif* yang bermaksud meringankan hukuman kepada hukuman yang kurang

menyakitkan. Ini berbeza dengan *al-isqat* (pengguguran hukuman) kerana *takhifif* hanya setelah penjenayah disabitkan kesalahan iaitu setelah sempurna segala syarat-syaratnya (Ahmad Sharifuddin Mustapha, Hashim bin Mehat, Mohd Sirajuddin Mohamed Shith & et.al, 2016).

Manakala, yang dimaksudkan dengan mitigasi dalam kajian ini adalah permohonan peringangan hukuman yang dibuat oleh pesalah selepas sabitan hukuman dikenakan terhadapnya di Mahkamah Syariah. Mitigasi merupakan tatacara dalam prosedur perbicaraan jenayah syariah. Mitigasi boleh berlaku selepas tertuduh mengaku bersalah atau sewaktu rayuan pembelaan (selepas perbicaraan penuh) (Zulfikri Yasoa, 2021).

Kebiasannya, mahkamah akan menerima mitigasi tertuduh dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah itu atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu (Seksyen 29, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003), namun mahkamah juga akan menitikberatkan sama ada wujudnya taubat dan keinsafan dalam diri pesalah untuk tidak mengulangi perbuatannya itu. Dalam konteks ilmu Fiqh, taubat cenderung dirujuk kepada penyesalan dan pencabutan dosa maksiat yang dilakukan dan berazam untuk tidak mengulanginya semula sekalipun berkemampuan melakukannya dan mengerjakan amalan baik (Sri Rahayu & Khadijah, 2016).

Malah hakim bicara boleh meminta pesalah mengulangi mitigasinya sekiranya mahkamah tidak berpuas hati dengan penyesalan yang diucapkan oleh pesalah. Dalam kes (10005-143-0058 Tahun 2019), PS *lwn.* SNS yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Hakim Bicara telah mengarahkan tertuduh melaksanakan mitigasinya sebanyak tiga kali. Mahkamah melihat bahawa tertuduh tidak serius dalam penyampaian mitigasi. Gerak dan tingkah laku tertuduh, menampakkan tertuduh tidak ada penyesalan bagi kesalahan dilakukan sebaliknya bersikap sambil lewa. Hakim Bicara turut merujuk pandangan Tan Sri Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman, mantan Ketua Hakim Syarie Malaysia dalam penulisan kertas kerja bertajuk Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Hukuman di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian menyatakan, "selalunya faktor yang boleh meringankan hukuman adalah pengakuan salah dan penyataan taubat". Justeru, berdasarkan kenyataan ini dapatlah difahami bahawa peringangan hukuman boleh diberikan sekiranya pesalah bertaubat dan mengaku salah. Alasan-alasan lain adalah alasan sampingan yang menyokong mitigasi tersebut. Makanya, mandatori sebelum sabitan dalam kes jenayah syariah itu mahkamah akan memastikan bahawa tertuduh tadi benar-benar insaf dari kesalahannya.

Malah, ayat al-Quran melalui surat Al-Zumar ayat 53 dan 54 jelas menyatakan Allah menerima taubat hambanya kerana taubat adalah lambang penyesalan;

﴿فَلَمْ يَعْبُدُهُ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَفْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَعْفُرُ  
الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Katakanlah, "Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri! Janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sungguh, Dialah Yang Maha Pengampun, Maha Penyayang.

Berdasarkan ayat di atas, boleh diletakkan satu ukuran bahawa, penyesalan dan taubat adalah perkara yang dituntut. Berbalik kepada kes jenayah syariah, mitigasi yang didatangkan dengan penyesalan dan taubat adalah bukti pesalah menginsafi kesalahannya. Maka dalam situasi dan keadaan sebegini, hukuman retributif kelihatan kurang sesuai untuk dilaksanakan. Sebaliknya pesalah seharusnya dididik kembali dengan hukuman rehabilitasi melalui keadilan restoratif. Hukuman ini lebih utama dalam memberikan impak kepada pesalah atas kesan kekhilafannya dulu. Jika hanya hukuman denda, penjara dan sebat yang diberikan kepada pesalah (hukuman retributif), ianya kurang berkesan untuk membaiki akhlak dan moral pesalah tersebut. Mungkin bentuk rehabilitasi yang boleh diberikan kepada pesalah adalah dengan menempatkan pesalah di pusat-pusat pemulihan untuk mendalami ilmu agama, menjalani kerja sosial di masjid dan khidmat ummah. Selain itu, didikan ilmu agama dan bimbingan fasilitator juga boleh dipertimbangkan dalam melaksanakan hukuman rehabilitasi. Pelaksanaan hukuman denda, penjara dan sebat tidak memungkinkan dapat mengislahkan akhlak dan memperbaiki moral pesalah. Maka dengan ini keadilan restoratif kelihatan lebih sesuai dilaksanakan di Mahkamah Syariah dewasa ini.

Penempatan pesalah di Pusat Pemulihan juga dilihat sebagai suatu hukuman pemulihan. Di sana pesalah akan dibekalkan dengan ilmu-ilmu melalui modul-modul khusus dalam mendidik jiwa dan kerohanian pesalah untuk mendalami ilmu agama (Abu Bakar, 2019). Namun, penubuhan Pusat Pemulihan ini tidak dapat dimaksimumkan penggunaanya kerana kekangan-kekangan tertentu. Malah, di Malaysia ini hanya negeri Selangor satu-satunya negeri yang mempunyai Pusat Pemulihan (Abu Bakar, 2020). Keterbatasan bentuk hukuman bagi setiap kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah yang telah diperuntukan dalam Akta 355 hanya memihak kepada hukuman denda, sebatan dan penjara sahaja (Abu Bakar, 2020).

Persoalannya, adakah tiga bentuk hukuman ini mengikat mahkamah? Hakikat sebenarnya adalah tidak. Dalam kes Pendakwa Syarie *lwn. M* (10008-143-0083 Tahun 2016) yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Hakim Bicara telah memerintahkan Tertuduh ditahan di Pusat

Perlindungan Baitul Iman selama tempoh enam (6) bulan. Hakim Bicara melihat kepada alasan mitigasi bahawa tertuduh tidak bekerja dan tidak adil untuk dihukum dengan hukuman pemerjaraan atas alasan dia tidak mempunyai pendapatan untuk membayar denda. Justeru, hakim bicara juga kreatif dalam penghakimannya apabila melihat kepada usia tertuduh yang masih muda dan selayaknya diberikan pendedahan berkenaan ilmu agama. Dalam situasi ini dapat dirumuskan Mahkamah Syariah sebenarnya terbuka dalam menentukan bentuk hukuman dan tidaklah terikat kepada hukuman denda, penjara dan sebatan sahaja. Namun, perlu ada prosedur dan justifikasi yang kukuh apabila hakim bicara memberikan bentuk hukuman alternatif.

## KESIMPULAN

Semua undang-undang negeri meletakkan mitigasi merupakan salah satu daripada tatacara ataupun prosedur perbicaraan jenayah syariah. Pesalah akan diarahkan untuk melaksanakan proses mitigasi iaitu berhujah dengan menjelaskan alasa-alasan spesifik bagi peringangan hukuman yang sewajarnya diberikan kepadanya.

Justeru, dalam mahkamah membenarkan alasan-alasan sampingan lain dalam peringangan hukuman, mahkamah terlebih dahulu akan melihat kepada pengakuan salah, taubat dan keinsafan pesalah. Ini adalah kayu pengukur kepada pengiktirafan mahkamah dalam menerima alasan-alasan lain. Secara logiknya sekiranya tertuduh tidak melontarkan keinsafannya, ingin bertaubat, keyakinan untuk berubah, kemahuhan mendalamai ilmu agama dan hanya memberikan alasan-alasan seperti berpendapatan kecil, telah berkahwin, mempunyai tanggungan ianya tidak mencukupkan mahkamah dalam menyakini bahawa pesalah memang benar-benar telah bertaubat.

Malah, pesalah yang mengakui kesalahannya juga selalunya akan mengakui bersalah sebaik pertuduhan dibacakan. Ini membuktikan pesalahan akur dan tahu perbuatan bertentangan agama yang telah dilakukannya. Memandangkan pesalah mengakui kesalahannya dan insaf maka penulis berpandangan adalah tidak wajar untuk diletakkan pesalahan dengan hukuman retributif sebaliknya pesalah ini perlu dibimbing kerohanianya supaya beliau lebih memahami tuntutan agama. Maka bentuk hukuman rehabilitasi dengan memberikan pemulihan kepada pesalah adalah lebih diraikan.

Seterusnya, hukuman rehabilitasi juga tidak semestinya direalisasikan melalui penempatan pesalah di pusat pemulihan. Mungkin keterbatasan ketika ini adalah beberapa kekangan seperti prasarana, perjawatan dan penambahbaikan modul (Mohammad Adib, 2019). Oleh yang demikian, bentuk hukuman pemulihan boleh digantikan seperti mengarahkan pesalah melakukan kerja sosial di masjid, rumah kebajikan, rumah warga emas, mengikuti ceramah di masjid, menghafaz al-quran seperti surah lazim dan

memberikan bantuan khidmat ummah bersama Sukarelawan bukan Kerajaan (*Non Governmental Organization (NGO)*).

Kepelbagai bentuk hukuman ini boleh dilihat telah wujud di Mahkamah Sivil melalui Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (Mohammad Adib, 2019). Maka, ianya juga dipercayai dapat direalisasikan juga di Mahkamah Syariah melalui pendekatan-pendekatan berjiwa Islami yang dapat menjaga dan memelihara Maqasid Syariah. Justeru, perlu adanya suatu peruntukan undang-undang yang lebih khusus mengenai pentadbiran dan pengurusan berkaitan hukuman ini sama ada dalam bentuk arahan amalan mahupun kaedah-kadah yang diwartakan sekaligus membolehkan peruntukan ini dibuat sama ada secara umum atau khusus mengenai hukuman alternatif (Mohammad Adib, 2019).

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan dalam Geran Penyelidikan dan Inovasi (GPIK 2020), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Penyelidikan KUIS (RMC) dalam meluluskan kajian ini.

## RUJUKAN

- Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita. (2017). Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak Di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017) Ayer Keroh, Melaka, Malaysia, 1– 2 November 2017.
- Al-Nawawī (1979). *Riyād al-Sālihīn*. Beirut: Al-Maktabah al-Islāmiyyah
- Arifah Rahimah Ismail & Mohd al-Adib Samuri. (2014). Perintah Khidmat Masyarakat sebagai Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah di Malaysia. *KANUN*. Bangi. UKM.
- Awang Armadajaya bin Awang Mahmud. (2013). Hukuman Alternatif: Satu Perbandingan di antara Mahkamah Sivil dan Syariah. *Konvensyen Perundangan Syariah. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan pada 6 Mac 2013*.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid & Norul Huda Bakar. (2015). Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang Sebagai Benteng Menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Jilid II, Isu I.
- Centre For Justice & Reconciliation At Prison Fellowship International. (2005). *Restorative Justice*. Washington DC.
- Chua Ming Zuan. (2010). The Appropriateness Between The Death Penalty And Murder Offence Under The Malaysian Penal Code. *Malayan Law Journal* 5: XCIV-CXIII.

- Dusuki bin Haji Ahmad (2012). *Kamus Pengetahuan Islam*. (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Jasri Jamal, Hasnizam Hashim. 2016. Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-negeri. *Malaysian Journal Of Syariah And Law*. Jilid 4. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jasri Jamal. (2003). Konsep Hukuman Takzir di dalam Kanun Jenayah Syariah di Malaysia. *Kertas Kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa*. Bangi : UKM.
- Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia. Jabatan Pendakwaan Jenayah Syariah Selangor (JPSS). Temubual 8 September 2020.
- Mohammad Adib Bin Husain (2019). Keadilan Restoratif Dan Rehabilitasi Mengikut Ajaran Islam Dan Mahkamah Syariah. Konvensyen Kebangsaan Perundangan Jenayah Syariah Peringkat Kebangsaan (Hukuman Alternatif) 2019. Shah Alam, Selangor.
- Mohd Afizul Hakim Bin Ibakarim (2018), *Hukuman Pemulihan Dan Pelaksanaannya dalam Perundangan Islam Di Negeri Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Fathi Yusof. (2014). *Kesesuaian Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia*. Bangi : UKM.
- Nik Muhammad Zawawi Salleh. (2013). Hudud: Falsafah dan Keperluannya Dalam Masyarakat Majmuk, *Seminar Perlaksanaan Syariah Islam di Malaysia-56 Tahun Merdeka: Halangan & Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noresah Baharom (2005). *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Ramizah Wan Muhammad. (2018). Keadilan Restoratif Dan Retributif Dalam Syariah dan di Malaysia: Satu Sorotan. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Jilid 3(1).
- Salehuddin Bin Saidin (2019). Pengenalan Bahagian Ar-Riqab, Baitul Iman dan Baitul Ehsan Majlis Agama Islam Selangor. Konvensyen Kebangsaan Perundangan Jenayah Syariah Peringkat Kebangsaan (Hukuman Alternatif) 2019. Shah Alam, Selangor.
- Sharifuddin Mustapha, Hashim bin Mehat, Mohd Sirajuddin Mohamed Shith, Ahmad Zulkifli bin Mohamad & Ahmad bin Salleh. (2016). Faktor-Faktor Peringangan Hukuman Dalam Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Sivil. *Journal of Techno Social*. Penerbit UTHM: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sri Rahayu Haji Dollah & Khadijah Mohd Hambali @ Khambali. (2016). Konsep Taubat Menurut Islam Dan Kristian Dari Perspektif Perbandingan. *Afkar*.Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.

United Nations. (2006). *Handbook of Restorative Justice Programmes: Criminal Justice Handbook Series*. New York: United Nations Office on Drugs & Crime.

Zulfikri Bin Yaso. (2021). Peranan Peguam Syarie dalam Pembelaan Kes Jenayah Syariah. *Industrial Talk Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS [5 Februari 2021]*. Bangi: Selangor.

### **Temubual**

Temubual secara talian bersama Dr. Azizah Binti Mat Rashid. Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Bangi, Selangor pada 5 Mei 2021. Jam 3 petang.  
Temubual bersama Tuan Abu Bakar bin Daud. Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Jenayah Syariah Selangor. Shah Alam, Selangor pada 7 September 2020 jam 10pagi.

### **Senarai Kes**

PS *lwn.* SNS (No.Kes: 10005-143-0058 Tahun 2019)  
PS *lwn.* M (No. Kes: 10008-143-0083 Tahun 2016)

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*